

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 NOVEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

Projek rintis Dasar Gaji Progresif mula Jun 2024

# Projek rintis Dasar Gaji Progresif mula Jun 2024

**Pelaksanaan babit 1,000 syarikat dinilai September sebelum diperluas kepada semua majikan**

Laporan Zanariah Abd Mutalib dan Latifah Arifin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif akan dimulakan dengan projek rintis pada Jun tahun depan membabitkan 1,000 syarikat yang memenuhi syarat kelayakan dengan pekerja bergaji antara RM1,500 dan RM4,999.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata pemilihan syarikat akan dibuat secara telus berdasarkan prinsip kesaksamaan, tahap keperluan sektor dan sokongan dasar.

"Penilaian projek rintis akan dilaksanakan pada September 2024 untuk memastikan ketersediaan dasar sebelum Dasar Gaji Progresif secara menyeluruh dilaksanakan kepada semua majikan dan ekonomi," katanya pada sesi soal awab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gu-

dang) mengenai garis masa pelaksanaan gaji progresif dan objektif menuju negara maju, yang mana rakyat berpendapatan tinggi boleh dicapai.

Rafizi menjelaskan, Dasar Gaji Progresif yang bertujuan menangani isu gaji rendah yang membelenggu golongan pekerja di negara ini mempunyai tiga ciri asas iaitu pelaksanaannya adalah secara sukarela oleh majikan, kerajaan akan memberikan insentif untuk menggalakkan seberapa ramai majikan dan pekerja menyertainya serta di pihak pekerja ia perlu terkait dengan produktiviti.

"Dengan ketiga-tiga ciri ini, Dasar Gaji Progresif akan menjadi pelengkap kepada inisiatif gaji sedia ada iaitu Perintah Gaji Minima dan Sistem Upah Berdasarkan Prestasi (PLWS), dengan memperkenalkan buat kali pertama, campur tangan terus kerajaan dalam menetapkan gaji di syarikat, terutama dalam sektor formal dan swasta.

"Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif akan dibentangkan di Parlimen pada 30 November ini dan saya mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dalam sesi pembentangan Kertas Putih ini, yang akan membantu Kementerian melaksanakan dasar ini, yang diharapkan dapat meningkatkan pendapatan pekerja serta membantu pekerja menangani cabaran kos sara hidup," katanya.



Rafizi pada Sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

### Sokongan MEF

Menjawab soalan tambahan Hassan sama ada kerajaan membuat libat urus dengan kesatuan sekerja dan persatuan majikan mengenai pelaksanaan Dasar Gaji Progresif, Rafizi berkata, ia dilakukan membabitkan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan CUEPACS pada Jun lalu.

"Setakat ini, ia mendapat sokongan padu daripada MEF dan maklum balas daripada kesatuan sekerja adalah mereka berharap kerajaan berhati-hati supaya

kumpulan separa kemahiran yang sudah berusia, yang bekerja 10 ke 15 tahun tidak dipinggirkan daripada pelaksanaan dasar ini kerana mereka juga selalunya menghadapi masalah kenaikan gaji, bukan semata-mata graduan yang mula bekerja.

"Satu lagi kumpulan yang kita semak adalah pekerja sendiri dan satu kaji selidik umum dilakukan pada Mei lalu bagi mengenal pasti penerimaan pekerja yang tidak diwakili melalui kesatuan, dan 62 peratus menyokong penuh dasar ini," katanya.